

**MAJLIS MENGUMUMKAN LANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA MEWAKILI DAERAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, pada 28hb Mac yang lalu, tuan-tuan sekalian selaku Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dan Ketua-Ketua Rumah Panjang telah selamat menunaikan kewajipan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya memilih calon-calon dari kalangan tuan-tuan bagi Baginda lantik menjadi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara kategori Wakil-Wakil Daerah.

Keputusan dan hasilnya ialah seperti kurnia titah lantikan yang diumumkan malam tadi. Syukurlah!

Tuan-tuan sebenarnya telah melaksanakan kehendak Perlembagaan negara kita yang memperuntukkan penubuhan Majlis Mesyuarat Negara di mana daerah-daerah adalah ditentukan mempunyai Wakil-Wakilnya dan menjadi Ahli-Ahli dalam Majlis itu.

Pada masa ini cara menentukannya itu ialah seperti yang tuan-tuan telah lalui iaitu dengan notis dalam *Warta Kerajaan* oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa tarikh 23hb Rabiulakhir 1432 bersamaan 28hb Mac 2011 ialah tarikh bagi tuan-tuan berkumpul di daerah masing-masing untuk memilih dari kalangan tuan-tuan sendiri calon-calon Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang akan mewakili daerah tuan-tuan.

Tuan-tuan telah pun melakukannya dengan mengemukakan calon-calon menerusi pengundian yang kemudian telah dihitung dan disahkan oleh masing-masing Pegawai-Pegawai Daerah yang mana mereka dikehendaki menyerahkan hasil pengundian itu kepada Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan